



Manual Penyelenggaraan Harian

Pembersih Vakum
Hama Midea

Sila baca Manual ini dengan teliti sebelum
penggunaan, dan disimpan dengan baik.

Penyelesaian keabnormalan

Jika produk ini mengalami sebarang kejadian abnormal semasa penggunaan, sila rujuk jadual di bawah.

Keabnormalan	Sebab-sebab yang mungkin	Cara penyelesaian
Perkakas ini tidak berfungsi	<ul style="list-style-type: none"> - Kuasa bateri rendah. - Plag soket pengecasan tidak dipasang dengan betul atau soket tidak dihidupkan. - Butang suis tidak ditekan. - Perkakas ini tidak dicas dengan baik seperti yang dinyatakan. 	<ul style="list-style-type: none"> - Periksa sama ada bateri bagi seluruh mesin telah dicas penuh. - Periksa sama ada plag dipasang dengan betul atau soket telah dihidupkan. - Tekan butang suis. - Letakkan perkakas ini dengan betul dan lakukan pengecasan seperti yang dinyatakan dalam arahan pengecasan.
Kuasa sedutan menjadi lemah	<ul style="list-style-type: none"> - Terlalu banyak debu di dalam bekas debu. - Kapas penapis bekas debu tersumbat. - Kon siklon bekas debu tersumbat. - Saluran udara port penyedut tersumbat. - Kapas penapis tidak dikeringkan dengan sepenuhnya selepas dicuci. 	<ul style="list-style-type: none"> - Bersihkan debu dengan segera. - Bersihkan kapas penapis. - Bersihkan kon siklon. - Bersihkan port penyedut. - Selepas dicuci dengan air, kapas penapis hendaklah dikeringkan di tempat yang sejuk sebelum dipasang semula.
Lampu UV tidak berfungsi	<ul style="list-style-type: none"> - Perkakas ini berjarak terlalu jauh dari objek yang hendak dibersih. - Perkakas ini diletakkan secara menegak. - Lampu sensor UV dipenuhi oleh bahan kotoran. - Tiub lampu UV rosak. 	<ul style="list-style-type: none"> - Di bawah keadaan normal, perkakas ini akan menghidupkan lampu UV secara automatik jika ia berjarak dalam lingkungan 5 cm dari objek yang hendak dibersih. - Sudut kecondongan badan produk tidak boleh melebihi 30°. - Bersihkan bahan kotoran dengan kain kapas yang kering. - Hubungi bahagian selepas jualan untuk pengantian tiub lampu.
Perkakas ini tiba-tiba berhenti	<ul style="list-style-type: none"> - Debu di dalam bekas debu melebihi garis skala maksimum. - Saluran udara port penyedut tersumbat. - Kapas penapis tersekat oleh bendasing. 	<ul style="list-style-type: none"> - Bersihkan bekas debu dengan segera. - Bersihkan port penyedut. - Bersihkan kapas penapis.
Tidak dapat dicas	<ul style="list-style-type: none"> - Perkakas ini tidak dicas dengan betul seperti yang dinyatakan. - Suhu persekitaran terlalu tinggi atau terlalu rendah ketika pengecasan. 	<ul style="list-style-type: none"> - Letakkan perkakas ini dengan betul dan lakukan pengecasan seperti yang dinyatakan dalam arahan pengecasan - Perkakas ini hendaklah dicas pada suhu yang sesuai (5°C - 40°C).

Arahan Keselamatan


- Jangan letakkan pembersih vakum berdekatan dengan sumber haba, radiasi atau rokok yang menyala. Jangan gunakan pembersih vakum untuk menyedut objek seperti berikut:
 1. Semua jenis cecair seperti air dan pelarut.
 2. Debu dan sampah pembinaan seperti kapur dan simen, dan sebagainya.
 3. Objek panas seperti kepala karbon yang tidak dapat dipadamkan atau puntung rokok.
 4. Serpihan tajam seperti kaca, dan sebagainya.
 5. Bahan mudah terbakar dan mudah meletup seperti petrol atau produk beralkohol.
- Hanya juruteknik bertauliah dibenarkan merungkai produk ini, dan anda dilarang merungkai produk ini dengan sendiri.
- Perkakas ini dilarang digunakan oleh kanak-kanak, dan orang kurang upaya atau kurang pengetahuan dan pengalaman terhadap penggunaan perkakas rumah tangga jika tanpa bimbingan daripada orang yang tertentu.
- Perkakas ini adalah produk untuk kegunaan dalam rumah, jangan digunakan di luar rumah.
- Pembersih vakum ini adalah sejenis perkakas elektrik: ia mesti digunakan berdasarkan syarat yang normal, dan ia tidak boleh dibiarkan beroperasi jika tanpa pengawasan.
- Jangan sentuh kord kuasa, soket atau adapter kuasa dengan tangan basah.
- Kosongkan bekas debu sebelum anda menggunakan produk ini jika bekas debu penuh dengan debu.
- Kuasa mesti dimatikan apabila pembersih vakum dibersih, dibaiki dan tidak digunakan buat sementara waktu.

Peringatan

1. Tempoh pengecasan boleh dipanjangkan untuk keadaan seperti berikut:
 - a. Pengecasan dilakukan pada suhu bilik melebihi 30°C.
 - b. Perkakas ini dicas dengan serta-merta sebaik selepas ia berhenti berfungsi.
2. Tidak kira berapa lama ia digunakan, sila cas semula selepas pembersihan.
3. Plag kuasa disyorkan supaya dicabut keluar dengan segera jika ia tidak dicas.
4. Cabut keluar kord kuasa jika perkakas anda tidak digunakan untuk jangkamasa yang panjang (lebih daripada 2 bulan). Bagaimanapun, anda disyorkan supaya mengecas bateri sehingga penuh setiap 2 bulan bagi mengekalkan jangka hayat bateri.
5. Semasa proses pengecasan, badan atau adaptor kuasa mungkin menjadi panas. Gejala ini adalah normal dan boleh digunakan tanpa was-was.

Pengenalan Produk

Paparan komponen




Pengendalian Fungsi

Status bateri

Nota

Sila letakkan perkakas ini mengikut anak panah dalam gambarajah bagi memastikan pengecasan yang betul.


Keadaan	Lampu petunjuk untuk status bateri.
Pengecasan sedang berjalan	Berkelip sekali setiap saat dari kiri ke kanan.
Pengecasan selesai	Lampu petunjuk menyala selama 10 minit, lepas itu akan padam.
Penggunaan kuasa	Berkurangan dari kanan ke kiri.
Baki kuasa tidak mencukupi	Lampu di hujung kiri akan berkelip sebagai peringatan untuk pengecasan semula.



Pengendalian Fungsi

Menyapu


Berdasarkan objek di kawasan yang hendak dibersih, pengguna boleh menyesuaikan pemegang ke 2 arah, iaitu ke arah menegak dan mendatar. Tekan butang suis untuk menolak pembersih vakum ke depan dan belakang untuk mencapai kesan pembersihan.




Pembersihan dan penyelenggaraan

Pembersihan bekas debu

- Apabila debu dikumpul mencapai garis skala maksimum pada bekas debu, bekas debu mesti dikeluarkan mengikut arah anak panah.




- Bawa bekas debu di atas tong sampah, tanggalkan komponen penapis dan bersihkan debu padanya.




Pembersihan dan penyelenggaraan

3. Keluarkan kapas tapisan dan kon siklon mengikut arah anak panah.



4. Bersihkan bekas debu: Tepuk kapas penapis (jangan tepuk pada arah yang terbalik).




Pembersihan dan penyelenggaraan

Pembersihan komponen

Nota

1. Pastikan butang suis dimatikan sebelum anda mengeluarkan bekas debu;
2. Sila beri perhatian kepada objek yang tajam seperti kaca bagi mengelakkan mesin daripada tercral;
3. Semua komponen mesti dikeringkan sepenuhnya sebelum dipasang semula.
4. Jangan cuci atau menarik kapas penapis secara kuat;
5. Pastikan untuk memeriksa sama ada kapas penapis dipasang pada tempat yang sesuai semasa pemasangan;
6. Jangan teruskan penggunaan jika kapas penapis rosak atau tidak dapat dibaiki dengan proses pembersihan & penyelenggaraan.

Setelah dibersih dan dikeringkan dengan sepenuhnya, semua komponen hendaklah dipasang mengikut urutan songsang langkah penanggalan untuk mengelakkan debu terbocor pada penggunaan berikutnya.



Peringatan

Anda disyorkan menjalankan kerja pembersihan seperti di atas selepas setiap kali debu dituang keluar. Selepas kapas penapis digunakan selama 30-50 jam, proses pembersihan tidak boleh diteruskan jika kuasa sedutan menurun secara ketara. Sila kunjung ke tempat yang ditetapkan untuk membeli dan menggantinya.


Pembersihan dan penyelenggaraan

Pembersihan lampu UV

Nota

Sebelum membersihkan lampu UV, sila pastikan suis pembersih vakum dimatikan dan kord kuasa dicabut keluar bagi mengelakkan pembersih vakum dilap dalam keadaan sedang berfungsi.

Pemutar skru silang harus digunakan untuk menanggalkan skru pada plat penutup lampu UV, bagi menanggalkan plat penutup lampu UV. Lap permukaan lampu UV dengan lembut menggunakan tuala kering. Selepas dibersih, pasang semula mengikut urutan songsang langkah penanggalan.



Spesifikasi

Model	MVC-B5D	Voltan kadaran	25 V =	Voltan kadaran	21.6 V =	Kuasa kadaran	110 W	Berat bersih	1.6 kg	Saiz (P x L x T)	280*114*172.5mm
Tahap kebisingan	≤78dB(A)	Panjang gelombang UV	253.7nm	Kapasiti	0.3L	Frekuensi tepukan/minit	10400(+/-15%)				

Penyimpanan kabel pengelasan

Awas

Pastikan bahagian bawah pengelas berkeadaan kering. Sila ambil perhatian bagi memastikan ia tidak terkena air atau kotoran yang mana akan menjadikan pengelasan berlumpur, dan juga jangan tekan pengelas dengan kuat atau memijak padanya.

Apabila pengelas tidak digunakan, sila simpan penyimpanan kabel pengelasan seperti ditunjukkan dalam gambarajah.

